




KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat **Kontrak Panel Berpusat** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti di bawah dan bertaraf **Bumiputera** bagi menyertai sebut harga berikut:

No. / Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebut Harga
MPJL.400-8/4/2026.7 MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENYUSUN PERABOT DI MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL BAGI TAHUN 2026	020101	RM30.00	3 JUN 2026

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **25 Mei 2026 (Isnin)** daripada Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia, Majlis Perbandaran Jempol.
3. Bayaran Dokumen Sebut Harga adalah secara tunai atau kad kredit/debit.
4. Tawaran Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum atau pada **3 Jun 2026 (Rabu)** tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari menggunakan sampul surat berlakri.
5. Syarikat diminta untuk mengemukakan satu (1) salinan Sijil Pematuhan Cukai 'TAX COMPLIANCE CERTIFICATE' (TCC) berstatus PATUH dan masih sah dalam tempoh tahun semasa pembelian dokumen sebut harga.
6. Tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
 - a. Penyebut harga LEWAT mengemukakan Dokumen Sebut Harga
 - b. Penyebut harga GAGAL mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga
7. Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu Sebut Harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan Sebut Harga ini.


.....
Ir.Ts/ ROSTAM BIN OMAR
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
TARIKH : 15 MEI 2026